

PENALTI

I. Kegagalan melaporkan kemalangan dalam tempoh 10 hari dari tarikh kemalangan.

Denda tidak melebihi RM5,000.00 dan bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM10,000.00 untuk kesalahan berikutnya (seksyen 13(5), Akta Pampasan Pekerja 1952).

II. Kegagalan menginsurankan pekerja asing.

Denda tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali (seksyen 26(6), Akta Pampasan Pekerja 1952).

PENANGGUNG INSURANS

Ahli-ahli panel penanggung insurans dalam jadual kepada Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) 2005

1. Ace Jerneh Insurance Berhad
2. AmGeneral Insurance Berhad
3. Allianz General Insurance Malaysia Berhad
4. AXA Affin General Insurance Berhad
5. AIA Berhad
6. AIG Malaysia Insurance Berhad
7. Berjaya Sampo Insurance Berhad
8. Etiqa Insurance Berhad
9. Etiqa Takaful Berhad
10. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
11. Lonpac Insurance Berhad
12. MAA Takaful Berhad
13. MCIS Zurich Insurance Berhad
14. MSIG Insurance (Malaysia) Berhad
15. Multi-Purpose Insurance Berhad

16. Overseas Assurance Corporation (M) Berhad
17. Progressive Insurance Berhad
18. Prudential BSN Takaful Berhad
19. QBE Insurance (M) Berhad
20. RHB Insurance Berhad
21. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
22. Takaful Ikhlas Sdn Bhd
23. The Pacific Insurance Berhad
24. Tokio Marine Insurans (M) Berhad
25. Tune Insurance Malaysia Berhad
26. Uni. Asia General Insurance Berhad
27. Zurich Insurance Malaysia Berhad
28. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

Majikan-majikan diwajibkan menginsurankan pekerja asing yang digajinya dengan Penanggung-penanggung Insurans yang dilantik (seksyen 26(2), Akta Pampasan Pekerja 1952).



**JABATAN TENAGA
KERJA SARAWAK**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

PANDUAN TUNTUTAN PAMPASAN PEKERJA



**SAFETY
FIRST**

IBU PEJABAT

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93532 Kuching.

Tel: 082-242261 / 082-414062

Faks: 082-237051

E-mel: jtknsarawak@mohr.gov.my

Laman sesawang: <http://jtkswk.mohr.gov.my>

PENGENALAN

Akta Pampasan Pekerja 1952 menetapkan majikan bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada pekerja atau orang tanggungan seorang pekerja yang ditimpa kemalangan yang berbangkit dari dan dalam masa pekerjaannya yang menyebabkan kecederaan atau maut.

APAKAH TANGGUNGJAWAB MAJIKAN ?

- Seksyen 26 (1) Akta Pampasan Pekerja 1952 mewajibkan majikan menginsurankan pekerjanya. Di bawah Seksyen 26(2) akta yang sama, Menteri Sumber Manusia telah membuat perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) 2005 di mana majikan perlu menginsurankan pekerja asingnya dengan mana-mana penanggung insuran yang dilantik. Penanggung insuran adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan pekerja bagi kes-kes bencana kerja yang berbangkit dari dan dalam masa pekerjaan dan juga menyediakan faedah tambahan bagi kes-kes kemalangan ke atas pekerja yang berlaku di luar waktu kerja.
- Di bawah Seksyen 13, majikan adalah diwajibkan untuk melaporkan kemalangan yang menimpa pekerjanya dalam tempoh 10 hari dari tarikh kemalangan kepada Pesuruhjaya Pampasan Pekerja.

APAKAH TANGGUNGJAWAB PEKERJA ?

- Notis Kemalangan
 - Pekerja perlu memberi notis kemalangan kepada majikannya dalam tempoh 7 hari dari tarikh kemalangan.
 - Tiada notis kemalangan perlu diberikan kepada majikan bagi kes kemalangan maut.

- Tempoh tuntutan pampasan
 - Bagi kes bukan maut dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kemalangan.
 - Bagi kes maut dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kemalangan.
- Pekerja perlu mengemukakan Perakuan Perubatan (Buroh 90) atau sijil cuti sakit sebaik sahaja selesai menjalani pemeriksaan atau rawatan perubatan apabila menuntut pampasan pekerja.

Di bawah Seksyen 8, Akta Pampasan Pekerja 1952,

JENIS TAFSIRAN

Pesuruhjaya Pampasan Pekerja boleh membuat taksiran pampasan yang perlu dibayar berkaitan kes-kes bencana kerja seperti berikut:-

a) Kes hilang upaya sementara (HUS)

Jika kehilangan upaya separa sementara (*temporary partial disablement*), keupayaan seorang pekerja mencari nafkah dalam pekerjaan yang mampu dibuatnya semasa kemalangan adalah dikurangkan untuk tempoh sementara. Jika kehilangan upaya langsung sementara (*temporary total disablement*) seorang pekerja langsung tidak berupaya untuk menjalankan semua jenis kerja yang ia berupaya melakukan semasa kemalangan untuk tempoh sementara.

b) Kes hilang upaya kekal (HUK)

Jika kehilangan upaya separa kekal (*permanent partial disablement*) keupayaan seorang pekerja mencari nafkah dalam semua pekerjaan yang mampu dibuatnya semasa kemalangan adalah dikurangkan untuk selama-lamanya (Bahagian II-Jadual Pertama). Kehilangan upaya langsung kekal (*permanent total disablement*) bermakna seorang pekerja langsung tidak berupaya untuk menjalankan semua jenis kerja yang beliau berupaya melakukan semasa kemalangan untuk selama-lamanya.

(Bahagian I-Jadual Pertama)

C) Kes maut

Kematian akibat kemalangan yang berlaku di tempat kerja atau kematian akibat menghadapi penyakit pekerjaan (*occupational disease*).

Menurut Seksyen 10, Akta yang sama, Pampasan bagi kes maut hendaklah didepositkan dengan Pesuruhjaya . Pampasan Pekerja dan beliau akan menjalankan pembahagian wang pampasan kepada orang-orang tanggungan si mati.

1. Seorang pekerja yang diambil bekerja di bawah satu

SIAPA YANG LAYAK MENUNTUT PAMPASAN PEKERJA?

kontrak perkhidmatan (*contract of service*) dengan seorang majikan.

2. Waris (orang tanggungan) si mati.

a) Bagi kes Hilang upaya Sementara /Kekal.

- Notis kemalangan daripada majikan;

BORANG/DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- Borang PP1;
- Borang laporan Kemalangan PP2;
- Perakuan Perubatan (Buroh 90); dan
- Sijil Cuti Sakit (jika ada)

b) Bagi kes maut

- Notis Kemalangan daripada majikan;
- Borang PP1;
- Borang laporan Kemalangan PP2 & PP2A;
- Sijil kematian;
- Laporan bedah siasat (jika ada); dan
- Laporan polis (jika ada).